



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor Pengajaran kategori Pengajar Muda kepada Dr Salmah Jan di UPM, semalam.

Info

Biodata Dr Salmah Jan Noor Muhammad

- **Memperoleh Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu** di UPM pada 2006.
- **Menjadi tutor di Jabatan Bahasa Melayu**, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, pada 2007.
- **Menjadi Pensyarah Kanan** di UPM pada 2013.

Antara karya dihasilkan

- **Projek 'Bongkar Misteri Hang Tuah'**
- **Diplomatic Strategies Wisdom of the Past Malay Kingdoms in Establishing Global Diplomasy**
- **Statecraft as Practiced by a Malay Kingdom: The Terengganu State Legal Text of 1911.**

'Kirim guru beli buku rujukan'

→ **Penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor tak jadikan kekurangan halangan berjaya**

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Hidup di ceruk pedalaman dengan kemudahan infrastruktur serba kurang bukan halangan bagi seorang penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Salmah Jan Noor Muhammad mencari ilmu.

Salmah Jan yang berasal dari Semporna, Sabah tidak menjadikan keadaan itu penghalang baginya kerana beliau selalu mengumpamakan hidup tanpa ilmu seolah-olah hati yang mati.

Anak kelima daripada tujuh beradik itu sentiasa meminta bantuan guru atau bapanya yang bekerja di luar kawasan Semporna untuk membeli buku yang hanya boleh didapati di bandar.

Beliau berkata, jarak dari kampung halaman ke bandar terdekat, Tawau mengambil masa sembilan jam menaiki kereta dan ada ketika ayahnya terpaksa mengambil cuti hanya untuk memenuhi permintannya mendapatkan buku sebagai rujukan belajar.

Tiada internet

"Antara kekangan lain yang meresahkan penduduk khususnya anak-anak yang masih belajar ialah ketiadaan kemudahan internet bagi membuat rujukan.

"Paling tidak pun, saya tekad mendapatkan buku dengan mengirim kepada guru yang pulang ke kampung halaman mereka di semenanjung beberapa buku sebelum pulang ke Semporna," katanya kepada BH selepas Majlis Gemilang Akademia Putra 2015 di UPM, semalam.